



**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 4/2016**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg.Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN DASAR BERKURSUS 7 HARI SETAHUN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pengurusan Universiti telah mengambil perhatian mengenai surat rasmi daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berkaitan pemakluman penangguhan penguatkuasaan pelaksanaan Dasar Berkursus 7 hari setahun bagi Anggota Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 'Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam' (PP 6/2005).
3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 3/2016 bertarikh 3 dan 10 Mei 2016 telah bersetuju untuk meneruskan dasar berkursus tujuh hari yang pelaksanaannya melibatkan semua warga kerja UKM dan dibuat secara dalaman sahaja, termasuk penganjuran program yang dilaksanakan di Pusat Pembangunan Profesional, UKM Tanjung Karang.
4. Walau bagaimanapun, program pengukuhan pembangunan staf secara strategik khususnya Program Kepimpinan bagi Pentadbir Akademik dan Pegawai Kanan Universiti, serta program pembangunan kelompok jurulatih yang penganjurannya telah dirancang diadakan di luar UKM masih dibenarkan diadakan di luar UKM bagi keberkesanan kursus yang lebih efektif.
5. Di samping itu, usaha untuk meningkatkan penjanaan pendapatan melalui penganjuran program latihan berbayar juga perlu diteruskan. Program sebegini boleh diadakan di luar UKM tertakluk keperluan untuk menyokong usaha merealisasikan pencapaian KPI bagi KRA5. Begitu juga penganjuran program latihan oleh Jawatankuasa Bersama antara Universiti Awam, contohnya Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia (JALUMA) bagi menyokong semangat kerjasama dalam kalangan ahli yang terlibat.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3060 Faksimili: +603-8921 4466 E-mel: pghprofesional@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/profesional-ukm>

6. Bagi tujuan pemantauan kehadiran kursus, kaedah penguatkuasaan pelaksanaan dasar latihan bagi pembangunan diri staf akan diperkemas lagi dengan menetapkan wajaran khas menghadiri latihan bagi dimensi Keefisyenan Dalam dalam Sistem Penilaian Prestasi Universiti (SPPU) sebanyak 10%. Nilai markah yang dipersetujui adalah 0 (jika tidak mencapai sasaran) dan 10 (jika mencapai sasaran) sahaja. Ini adalah untuk memastikan proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin dapat diperkukuhkan.

7. Selain itu, terdapat dua (2) perkara lain berkaitan kehadiran kursus yang perlu diberi perhatian dan akan dikuatkuasakan iaitu:

- i. Selaras teguran Audit SIRIM pada 11 Januari 2016 dan bagi memastikan setiap peserta kursus yang telah mengesahkan kehadiran bertanggungjawab terhadap kehadiran kursus masing-masing, peserta wajib hadir sekurang-kurang 80% daripada tempoh kursus bagi melayakkan jam kursus diambil kira dan didaftarkan dalam e-SPeL atau mendapat sijil penyertaan; dan
- ii. Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 2/2016 bertarikh 2 dan 17 Februari 2016 telah bersetuju supaya caj perkhidmatan kepada peserta yang tidak hadir kursus juga akan dikenakan kepada PTj yang telah meluluskan kehadiran staf untuk menyertai kursus anjuran Profesional-UKM / bersama Pusat Tanggungjawab.

Perhatian dan kerjasama YBhg.Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi pelaksanaan dasar ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**'OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI'**

Salam hormat,

  
**ABD RAZAK HUSSIN**  
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor  
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor  
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor  
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor  
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telefon: +603-8921 3060 Faksimili: +603-8921 4466 E-mel: pghprofesional@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/profesional-ukm>